



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**27 JANUARI 2022 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**27 JANUARI 2022 (KHAMIS)**

## SHMMP Tahun Baharu Cina 2022 untuk stabilkan harga



ALEXANDER

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022 berkuat kuasa bermula 29 Januari sehingga 4 Februari depan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, tarikh tersebut merupakan tiga

hari sebelum, semasa dan tiga hari selepas perayaan.

“Sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina 2022, Kementerian akan melaksanakan SHMMP Tahun Baharu Cina 2022.

“Sebanyak enam jenis barangan harga terkawal akan dikuatkuasakan melibatkan barang

keperluan harian dari kategori hasil laut, barangan kering dan daging babi.

“Jumlah keseluruhan barangan harga terkawal bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dan SHMMP Tahun Baharu Cina adalah sebanyak 18 jenis barangan daripada kategori ayam, telur ayam, sayur, barangan kering dan daging babi,” katanya di sini

semalam.

Alexander memaklumkan, senarai barangan harga terkawal bagi SHMMP Tahun Baharu Cina 2022 adalah ikan bawal putih dan udang putih (berat antara 41 ekor hingga 60 ekor sekilogram).

Turut disenaraikan adalah bawang putih (China), babi hidup (kawalan di peringkat ladang sahaja), daging babi (perut) dan daging babi (daging dan lemak).

## Didenda guna sijil halal tidak diiktiraf

**SEREMBAN:** Tindakan seorang pengarah syarikat menggunakan logo halal luar negara yang tidak diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di dua buah restoran di Nilai memakan diri apabila didenda RM30,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim, Mohd. Sabri Ismail membuat keputusan itu selepas A. Nadaraja, 59, yang juga Pengarah Syarikat Seribu Rasa Sdn. Bhd. mengaku bersalah ke atas dua pertuduhan terhadapnya.

Mahkamah turut menetapkan Orang Kena Siasat (OKS) itu dipenjarakan tiga bulan bagi setiap pertuduhan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, Nadaraja didakwa telah memperakukan makanan yang diberikan dalam Restoran Giger Noi Thai Kitchen sebagai halal dengan cara yang bertentangan dengan Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Kesalahan itu dilakukan di Restoran Giger Noi Thai Kitchen, Mesamall, Persiaran Ilmu, Bandar Baru Nilai pada pukul 4.50 petang, 20 Oktober 2020.

Bagi pertuduhan kedua, Nadaraja telah melakukan kesalahan sama di Harum Manis, Mesamall, Persiaran Ilmu, Bandar Baru Nilai pada pukul 5.20 petang, 20 Oktober 2020.

Sehubungan itu, OKS didakwa di bawah Perenggan 8 (a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan boleh dihukum di bawah Perenggan 8 (a) (A) perintah yang sama.

Mengikut fakta kes, sepasukan pegawai penguatkuasa KPDNHEP bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) telah membuat pemeriksaan di dua restoran terbabit dan mendapati kesemua sijil halal yang dipamerkan dalam restoran itu bukan kepunyaannya.

**Pemilik restoran  
kena denda  
RM30,000 guna  
logo halal tidak sah**  
*Nasional 17*

# Pemilik restoran guna logo halal syarikat lain

**Tertuduh  
mengaku salah  
kena RM30,000**

Oleh Ahmad Hasbi  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Sebuah syarikat yang mengendalikan dua restoran dekat Nilai, di sini, didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban, semalam, atas pertuduhan menggunakan logo halal tidak sah, dua tahun lalu.

Hakim Mohd Sabri Ismail menjatuhkan hukuman denda itu terhadap pemilik syarikat Seribu Rasa Sdn Bhd, A Nadaraja, 59, selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Berdasarkan pertuduhan, pemilik syarikat itu didakwa memperakukan makanan dibekalkan di dua restorannya sebagai halal dengan cara bertentangan mengikut Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, yang menjadi kesalahan mengikut Perenggan 8(a)(A) perintah sama.

Kesalahan dilakukan pada 20 Oktober 2020, di antara jam 4.50 petang hingga 5.20 petang di restoran Ginger NOI Thai Kitchen dan restoran Harum Manis di Mesamall, Bandar Baru Nilai.



A Nadaraja (kiri) di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Kee Shu Min.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan pegawai penguat kuasa KPD-NHEP bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) membuat pemeriksaan terhadap dua restoran terbabit dan mendapati semua sijil halal dipamerkan dalam res-

toran itu bukan kepunyaannya.

Ketika pemeriksaan, pihak berkuasa menemui beberapa salinan sijil halal dari luar negara dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) milik syarikat lain.

Hasil semakan dilakukan JHEAINS dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), mengesahkan syarikat tertuduh dan restoran berkenaan tidak memiliki sijil halal dan bukan pemegang SPHM sah di Negeri Sembilan.

Jika gagal menjelaskan denda, tertuduh berdepan enam bulan penjara bagi kedua-dua pertuduhan.





NADARAJA (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

## GUNA LOGO HALAL TAK SAH

# Tauke dua restoran didenda **RM30k**

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

### Seremban

**S**ebuah syarikat yang mengendalikan dua restoran di Nilai, dekat sini, didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban semalam, atas pertuduhan menggunakan logo halal yang tidak sah tahun lalu.

Hakim Mohd Sabri Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap pemilik syarikat Seribu Rasa Sdn Bhd, A Nadaraja, 59, selepas dia mengaku bersalah atas dua pertuduhan yang dibacakan ju-

rubahasa.

Jika gagal menjelaskan denda, tertuduh berdepan hukuman enam bulan penjara bagi kedua-dua pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati memperakukan makanan yang dibekalkan di dua restoran-nya sebagai halal dengan cara bertentangan dengan perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang merupakan satu kesalahan di bawah perenggan 8(a)(A) Perintah sama.

Kesalahan dilakukan pada 20 Oktober 2020, antara jam 4.50 petang hingga jam 5.20

petang di restoran Ginger NOI Thai Kitchen dan restoran Harum Manis di Mesamall, Bandar Baru Nilai.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kee Shu Min.

Mengikut fakta kes, sepasukan pegawai penguat kuasa KPDNHEP bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sembilan (JHEAINS) membuat pemeriksaan di dua restoran terbabit dan mendapati semua sijil halal yang dipamerkan dalam restoran terbabit bukan kepunyaannya.

Ketika pemeriksaan, pihak berkuasa menemui beberapa salinan sijil halal dari luar negara dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) milik syarikat lain.

Hasil semakan dilakukan JHEAINS dan Jakim mengesahkan syarikat tertuduh dan restoran berkenaan tidak memiliki SPHM dan bukan pemegang SPHM yang sah dalam Negeri Sembilan.

## Pemilik syarikat didenda RM30,000 guna logo halal tidak sah

**SEREMBAN** - Gara-gara mempamerkan logo halal tidak sah di dua buah restoran di Nilai, seorang pemilik syarikat didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada Rabu.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Mohd Sabri Ismail terhadap A Nadaraja, 59, selepas dia mengaku bersalah atas dua pertuduhan terhadapnya.

Jika gagal menjelaskan denda, tertuduh berdepan enam bulan penjara bagi kedua-dua pertuduhan.

Tertuduh didapati telah memperakukan makanan yang dibekalkan di dua buah restorannya sebagai halal dengan cara bertentangan dengan Perenggan 4(1) Perintah

Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang merupakan satu kesalahan di bawah Perenggan 8(a)(A) perintah sama.

Kesalahan itu dilakukan pada 20 Oktober 2020, jam antara 4.50 petang hingga 5.20 petang di Restoran Ginger NOI Thai Kitchen dan Harum Manis di Mesamall, Bandar Baru Nilai.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kee Shu Min.



Nadaraja ketika hadir di Mahkamah Sesyen Seremban pada Rabu.





## Krisis telur ayam, bisnes makanan kini terjejas

KRISIS kekurangan bekalan telur ayam semakin meruncing apabila masalah itu telah menjejaskan perniagaan dan punca pendapatan golongan peniaga makanan serta pengusaha kek dan roti kerana mereka kini sukar untuk menyediakan hidangan berasaskan telur.

► BERITA DI MUKA 3

Krisis telur ayam susahkan peniaga makanan, pengusaha had jualan bahan asas

## 'Kami boleh beli dua papan sahaja'

**PETALING JAYA** – Krisis bekalan telur ayam di seluruh negara memberi tekanan kepada peniaga makanan kecil-kecilan terutamanya penjual nasi lemak dan char kuetiau apabila terpaksa mencatu jualan mereka.

Situasi itu ekoran ketiadaan stok bahan asas itu selain berdepan tindakan segelintir pengusaha kedai runcit yang menghadkan jualan telur ayam kepada dua papan seorang.

Rata-rata mereka yang ditemui mendakwa perkara tersebut berlaku sejak minggu lalu sehingga terpaksa pergi ke beberapa premis demi mendapatkan bekalan barangan keperluan itu.

Bukan setakat itu, ada juga dalam kalangan peniaga yang pernah terputus stok telur ayam selama dua hari disebabkan pemborong tidak dapat menghantar bekalan seperti biasa.

Seorang peniaga nasi lemak di **Teluk Kumbar, George Town** Norita Ismail, 54, berkata, peniaga kedai runcit mula memberi bayangan akan berlaku krisis telur ayam dalam tempoh terdekat.

Sehubungan itu, katanya, mereka terpaksa menghadkan penjualan telur ayam kepada pelanggan bagi membolehkan semua pihak mendapat bekalan bahan asas itu.

"Saya hanya boleh beli dua papan sahaja telur setiap hari biarpun merupakan pelanggan tetap sejak 10 tahun lalu dan membeli 300 biji telur Gred B setiap dua hari sekali," katanya.



SEORANG pekerja Restoran G'Sinar di Johor Bahru menunjukkan bekalan telur yang ada di restoran itu semalam.

Luahan sama turut disuarakan peniaga gerai char kuetiau yang mahu dikenali sebagai Azira, 34, apabila dia terpaksa pergi ke beberapa premis bagi mendapatkan lima papan telur ayam.

"Harga bagi sepapan telur ayam Gred B dijual sehingga RM13 dan kami hanya boleh beli dua papan sahaja.

"Disebabkan itu, saya terpaksa

men mencari stok di tiga lagi buah kedai termasuk pasar raya untuk cukupkan bekalan harian," ujarnya.

Dalam pada itu, Azira berkata, dia kini tidak sanggup lagi berdepan kenaikan harga barangan keperluan yang naik mendadak sejak pertengahan bulan ini sehingga memaksanya menaikkan jualan char kuetiau RM1.

Sementara itu di **Johor**, Pemilik Restoran G'Sinar, Azizan Che Harun memberitahu, ada kalanya dia terpaksa membatalkan pesanan pelanggan yang memesan hidangan berasaskan telur.

Katanya, masalah ini berlarutan sejak akhir Disember tahun lalu dan paling ketara menjelang perayaan Tahun Baharu Cina.

"Saya berniaga makanan ma-



KERATAN Kosmo! semalam.


sakan panas, tomyam dan sebagainya dan telur antara bahan utama.


"Biasa saya tambah bekalan bahan mentah seminggu sekali, saya sudah pergi beberapa pasar raya berdekatan, kebanyakan rak jualan kosong.

"Kadang-kadang kami terpaksa beritahu pelanggan yang membuat pesanan berasaskan telur, kami terpaksa tolak sebab telur tak ada," ujarnya.

Sementara itu, di **Perak**, seorang penjual mi rebus, Mohamad Hafzi Mohd. Said, 32, berkata, dia tertekan apabila terpaksa pergi ke beberapa premis demi mendapatkan bekalan bahan asas itu.

"Kedai berhampiran rumah semua tiada bekalan, kena pergi ke dai jauh, duit minyak pun kos juga. Bila kos barang naik, kuranglah sikit keuntungan, naik harga pelanggan lari pula," ujarnya.

 Senarai Harga Barang Koperluan	• Ayam <b>RM7.99</b>	• Telur Gred A <b>RM11.90</b>	• Gula Pasir <b>RM2.85</b>	• Cili Merah <b>RM9.90</b>
	• Daging Lembu Tempatan <b>RM42.99</b>	• Ikan Kembung <b>RM16.99</b>	• Bawang Besar Holland <b>RM2.79</b>	• Kubis Bulat Tempatan <b>RM4.88</b>
	• Daging Lembu Import <b>RM28</b>	• Minyak Masak <b>RM6.38</b>	• Bawang Putih <b>RM5.50</b>	• Tepung Gandum <b>RM2.20</b>
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>				



**New fuel prices**  
Jan 27 - Feb 2

RON95	<b>RM2.05</b> (unchanged)
RON97	<b>RM3.12</b> (+5 sen)
DIESEL	<b>RM2.15</b> (unchanged)